



**YB. DATO' HJ. MOHAMMAD RAZI BIN HJ. KAIL, DSNS**  
**AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN JUASSEH**  
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**  
**PENGERUSI JAWATANKUASA BERTINDAK PELANCONGAN, PERPADUAN,**  
**KEBUDAYAAN, KESENIAN, WARISAN DAN ADAT ISTIADAT MELAYU**

Bil: ( 58 ) dlm. YBMR-N15/2-3

11 April 2011

LTS Properties (M) Sdn Bhd.,  
No. 2, Jalan Kemuning, Taman Kemuning,  
70450 Senawang, Seremban.

Tuan,

**SOKONGAN DI ATAS CADANGAN BAGI HUB PERNIAGAAN 2  
DAN 3 TINGKAT KEDAI PEJABAT, DATARAN KEMUNING SEBAGAI  
PUSAT "FOOD HEAVEN" SEBAGAI TARIKAN PELANCONGAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita ingin memaklumkan bahawa saya tiada halangan dan menyokong penuh di atas cadangan bagi Hub Perniagaan 2 dan 3 Tingkat Kedai Pejabat, Dataran Kemuning sebagai Pusat "Food Heaven" sebagai tarikan pelancongan.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

**"1MALAYSIA". RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN.**

Salam hormat,

**DATO' HAJI MOHAMMAD RAZI BIN HAJI KAIL**

TM/NS/(A)/39/1

4 Julai 2011

Sales & Marketing Manager  
LTS Propertis (M) Sdn Bhd  
No. 2, Jalan Kemuning 1  
Taman Kemuning  
70450 Senawang  
**NEGERI SEMBILAN.**

Puan,

**SOKONGAN DI ATAS CADANGAN BAGI HUB PERNIAGAAN 2 DAN 3 TINGKAT  
KEDAI PEJABAT, DATARAN KEMUNING SEBAGAI PUSAT "FOOD HEAVEN"  
SEBAGAI TARIKAN PELANCONGAN**


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Pejabat Tourism Malaysia Negeri Sembilan mengiktiraf usaha yang diambil oleh pihak LTS Properties di atas cadangan bagi Hub Perniagaan 2 dan 3 tingkat kedai pejabat 'Dataran Kemuning' sebagai Pusat "Food Heaven" sebagai tarikan pelancongan.
3. Pejabat ini turut menyokong LTS Properties untuk menjadikan Dataran Kemuning sebagai pusat "Food Heaven" selaras dengan hasrat Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia bagi menjayakan kempen "1Malaysia Fabulous Food" yang dilancarkan oleh YB Dato' Seri Ng Yen Yen, Menteri Pelancongan pada Oktober 2009 bagi memperkenalkan dan mengetengahkan keunikan masakan di negara ini dari setiap negeri melalui kepelbagaian bangsa dan etnik kepada pelancong.
4. Pejabat ini berharap selain dari memperkenalkan masakan tradisional Negeri Sembilan dan juga makanan barat disarankan agar mempelbagaikan makanan tradisional dari setiap negeri khususnya bagi menarik lebih ramai pengunjung untuk datang ke Negeri Sembilan. Pejabat ini menyokong agar pengusaha-pengusaha makanan yang terkemuka dari dalam dan luar negara agar dapat bersama-sama turut memeriahkan lagi 'Dataran Kemuning' ini.
5. Sehubungan dengan itu, Tourism Malaysia Negeri Sembilan sekali lagi menyatakan sokongan mempromosikan Dataran Kemuning sebagai Pusat "Food Heaven" dan menjadikannya satu pakej menarik sebagai tempat tumpuan pelancong.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"1MALAYSIA RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"**

Saya yang menurut perintah,

  
(HISHAMUDDIN MUSTAFA ANS)  
Pengarah  
Tourism Malaysia Negeri Sembilan.



**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA  
(KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA)**

Seremban Plaza, Jalan Dato' Muda Linggi, 70100 Seremban, Negeri Sembilan

Tel. : 06-7635388 / 7622388 / 7624488 Fax : 06-7638428

E-mel : [tourism@gov.my](mailto:tourism@gov.my) URL : <http://tourism.gov.my>